

05/05/2003

Bulan Perpaduan disambut Mei

KUALA TERENGGANU: Kabinet bersetuju menyambut Bulan Perpaduan sepanjang Mei setiap tahun, menggantikan Hari Perpaduan yang sebelum ini disambut pada 16 September.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata pertukaran itu dibuat bagi membolehkan kementerian melaksanakan program meningkatkan kesedaran rakyat mengenai perpaduan.

Beliau berkata, bulan perpaduan akan memberi tumpuan terhadap isu semasa, seperti polarisasi kaum di kalangan generasi muda, integrasi dan semangat cintakan bangsa serta negara.

"Antara program peringkat kebangsaan yang akan diadakan ialah Titian Muhibah, Titian Integrasi, Perpaduan Berkembar dan Kelab Perpaduan," katanya selepas merasmikan Majlis Semarak Padu Bersama Media dan penyampaian anugerah kepada Kawasan Rukun Tetangga (KRT) cemerlang di sini.

Pada majlis itu, KRT Bandar Jertih, Besut diumumkan sebagai KTR cemerlang 2003 dan menerima geran berjumlah RM3,000 serta sijil.

Siti Zaharah berkata, tema sambutan tahun ini ialah 'Interaksi Kaum Perkasa Perpaduan'.

Beliau berkata, acara kemuncak Bulan Perpaduan ialah program interaktif rakyat mega perpaduan yang akan diadakan selama tiga hari bermula 28 Mei di Dataran Konvo Universiti Putra Malaysia.

Katanya, 100,000 rakyat berbilang kaum akan mengambil bahagian dalam perhimpunan itu yang akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Antara aktiviti yang akan diadakan sempena perhimpunan itu ialah perkhemahan anak Malaysia terdiri daripada 1,200 Jiran Muda Rukun Tetangga, pameran dan jualan barangan keluaran Jiran Wanita, persembahan kebudayaan serta makanan suku kaum serta demonstrasi bakat Tunas Jiran," katanya.

Sementara itu di SUNGAI SIPUT, Siti Zaharah berkata, Pelan Tindakan Warga Tua yang diperkenalkan melalui Dasar Warga Tua Negara bertujuan menggalakkan mereka hidup berdikari dan tidak terpinggir daripada masyarakat.

Katanya, melalui program bertemakan 'Warga Tua Hidup Produktif', golongan itu dapat meningkatkan kualiti hidup dengan membabitkan diri dalam pelbagai bidang.

Beliau berucap merasmikan majlis meraikan 150 warga emas di Ladang Infoternak di sini, semalam.